



**MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR
45000 KUALA SELANGOR**

KENYATAAN TAWARAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk memasuki tender bagi kerja seperti berikut :-

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KELAS PENDAFTARAN	TARIKH & TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	TARIKH JUALAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER	HARGA DOKUMEN
1.	KERJA-KERJA MEMBINA TEMPAT LETAK KENDERAAN AWAM SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI TAPAK BERSEBELAHAN IBUPEJABAT MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR, KUALA SELANGOR No.Tender : MDKS T2/2018 No.Fail : 265/T2/18-2	Gred G3 Kategori CE Pengkhususan CE 01 & CE 21	24.10.2018 (RABU) JAM 9.30 PAGI BERKUMPUL DI JABATAN KEJURUTERAAN, TINGKAT 1, MDKS	Mulai 24.10.2018 Hingga 13.11.2018	14.11.2018 (jam 12 t/hari) Dokumen Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan	RM 150.00
LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN. SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI DI JABATAN KEJURUTERAAN, MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR. NO TELEFON : 03-32891439 / 236						

Bagi lawatan tapak dan sesi taklimat, hanya penama yang tercatat di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontraktor/syarikat **tidak boleh** mewakili pegawai lain selain daripada penama dalam SPKK dan CIDB.

Semakan Dokumen Meja Tender serta pembelian Dokumen Tender boleh diperolehi di **Jabatan Kejuruteraan** Tingkat 1, Majlis Daerah Kuala Selangor pada waktu pejabat bermula 24 Oktober 2018 dengan bayaran seperti yang dinyatakan.

Kontraktor perlu mengemukakan salinan Sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB), Sijil Taraf Bumiputra, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan salinan penyata bulanan bank (tiga bulan) yang terkini dan telah disahkan serta salinan resit ASAL pembelian Dokumen Tender bersama-sama Dokumen Tender yang telah lengkap.

* *Penyata Bank yang terkini dan telah disahkan perlu disertakan bagi tawaran kerja di bawah Gred Pendaftaran G2 sehingga G7*

* *Hanya kontraktor yang menghadiri lawatan tapak sahaja yang dibenarkan membeli Dokumen Tender*

Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan No. Tender serta tajuk dan dimasukkan ke dalam Peti Tender yang disediakan oleh Majlis Daerah Kuala Selangor di **Aras Bawah, Majlis Daerah Kuala Selangor sebelum atau pada 14 November 2018, jam 12.00 tengahari** seperti tarikh yang dinyatakan. Dokumen yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pihak Majlis juga tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran.

✓:

.....
(RAHILAH BINTI RAHMAT A.M.S.)

Yang Dipertua

Majlis Daerah Kuala Selangor

QS/rt/klslan sh/181018

Tarikh : 18 Oktober 2018